

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 JULAI 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	SIRIM lantik tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu	Utusan Malaysia
2.	Mavcap mahu lahir ramai usahawan	Utusan Malaysia
3.	Proses pembenihan awan tangani krisis air dijohor	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 23 JULAI 2015 (KHAMIS)

SIRIM lantik tiga Ahli Lembaga Pengarah baharu

KUALA LUMPUR 22 Julai - SIRIM Berhad (SIRIM) mengumumkan pelantikan Datuk Mohd. Nasir Ahmad, Datuk Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw dan Saji Raghavanan sebagai Ahli Lembaga Pengarah baharu berkuatkuasa 1 Julai lalu.

SIRIM berkata, pelantikan mereka adalah bagi menggantikan Ahmad Shahab Din yang melepaskan jawatan dan Datuk Dr. Mohd. Khir Abdul Rahman serta Datuk Syed Ahmad Idid Syed Abdullah Idid yang bersara pada 29 Mei lalu.

Katanya, pelantikan ketiga-tiga Ahli Lembaga baharu itu dilihat dapat mengukuhkan kedudukan syarikat tersebut sebagai peneraju kualiti dan inovasi teknologi di negara ini.

"Mereka mempunyai pengalaman luas dalam dunia korporat serta memegang jawatan penting di syarikat-syarikat bertaraf dunia yang merangkumi bidang kewan-



MOHD. NASIR AHMAD



ANDY SEO KIAN HAW



SAJI RAGHAVANAN

gan, perakaunan serta kejuruteraan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut SIRIM, Mohd. Nasir merupakan Felo Persatuan Akauntan Bertauliah (United Kingdom) dan juga Pengerusi Jawatankuasa Audit Mimos Berhad; Andy merupakan Naib Presiden Institut Jurutera Malaysia manakala Saji Raghavanan ialah Panel Penasihat

Tenaga Negara.

Ketiga-tiga Ahli Lembaga Pengarah itu akan menyertai Pengerusi SIRIM, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali bersama lima yang lain iaitu Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Mohamed Salleh Mohamed Yasin, Datuk Dr. Ir. Abdul Rahim Hashim, Datuk Dr. Mohd. Azhar Yahya dan Khalimatun Saadiah Mohd. Khalid.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 14
TARIKH : 23 JULAI 2015 (KHAMIS)

Mavcap mahu lahir ramai usahawan

Oleh **YULPISMAN ASLI**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Julai - Malaysia Venture Capital Management Bhd. (Mavcap), syarikat modal teroka untuk usahawan dalam industri berteknologi tinggi dan teknologi maklumat, mahu melahirkan lebih ramai usahawan dan syarikat Malaysia khususnya bumiputera yang mampu berdaya saing di peringkat global.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaludin Bujang (**gambar**) berkata, sejak penubuhannya 14 tahun lalu, Mavcap telah berjaya melahirkan banyak syarikat yang berjaya di peringkat tempatan dan antarabangsa, di samping membuka ruang kepada pembentukan dana-dana (pembiayaan modal teroka) baharu.

Beliau berkata, kejayaan itu hasil pelaksanaan program penyumberan luaran yang diperkenalkan oleh Mavcap dengan kerjasama sektor swasta dan syarikat milik kerajaan (GLC).

"Kami telah berada dalam industri ini sejak 14 tahun, kami melahirkan banyak syarikat dan kami mahu melahirkan lebih banyak syarikat pada masa hadapan. Kami juga mahu melahirkan atau membuka ruang kepada pembentukan dana-dana (pembiayaan modal teroka) baharu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jamaludin berkata, melalui program penyumberan luaran yang diperkenalkan, Mavcap telah berjaya mewujudkan 11 dana setakat ini bagi membantu perkembangan syarikat-syarikat per-



Kami telah berada dalam industri ini sejak 14 tahun, kami melahirkan banyak syarikat dan kami mahu melahirkan lebih banyak syarikat pada masa hadapan"

JAMALUDIN BUJANG
Ketua Pegawai Eksekutif



mulaan tempatan di peringkat domestik dan antarabangsa.

Sehubungan itu katanya, bagi menayakan hasrat Mavcap untuk melahirkan lebih ramai usahawan dan syarikat tempatan yang mampu berdaya saing di peringkat global maka, program berkenaan akan diperluaskan melalui pelancaran dana-dana baharu dijangka dalam waktu terdekat.

Beliau berkata, penyumberan luaran itu tidak hanya tertumpu kepada pemain tempatan, malahan syarikat serantau untuk membolehkan usahawan atau syarikat yang hendak diwujudkan kelak mampu pergi lebih jauh iaitu menjadi pemain di peringkat global.

"Kami ada cita rasa untuk keluar dan mendapatkan dana atau duit dari luar negara untuk pelaburan di Malaysia dan rantau ini, yang lebih menarik lagi kami turut melibatkan sama rakan kongsi, tahun lalu kami

mewujudkan dana dengan kerjasama swasta, dengan Axiata dan tahun ini kami akan umumkan dana baharu, dana untuk melabur dalam syarikat permulaan.

"Kami juga bekerjasama dengan syarikat dari China untuk melabur di sini dan rantau ini, melabur dalam syarikat teknologi dan syarikat permulaan dan yang telah berkembang. Mungkin dua tiga tahun dari sekarang kami mahu mewujudkan lebih banyak dana dengan fokus kepada syarikat yang telah matang, syarikat yang telah berkembang," jelas beliau.

Mavcap ditubuhkan pada 2001 dengan peruntukan dana pembiayaan daripada kerajaan kira-kira RM1 bilion bermula dari Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) sahaja, Mavcap telah menyalurkan pembiayaan lebih RM200 juta kepada syarikat-syarikat baharu dan permulaan.

Proses pembenihan awan tangani krisis air di Johor



Hasni Mohammad

Johor Bahru: Jabatan Meteorologi dan Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) dijangka mengadakan proses pembenihan awan pada bila-bila masa, berikutan cuaca panas yang menyebabkan paras air di dua empangan utama di negeri ini terus menyusut.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Hasni Mohammad, berkata proses bagi menghasilkan hujan itu bagaimanapun bergantung pada keadaan awan bersesuaian bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya.

Katanya, proses pembenihan awan adalah kaedah paling berkesan pada masa ini ketika paras air empangan berada pada tahap kritikal kerana cuaca panas yang berlanjutan sejak lebih sebulan lalu.

Kaji bekalan air mentah

"Pada masa ini, SAJ Holdings (SAJ) dan BAKAJ sedang mengkaji bekalan air mentah untuk penyelesaian jangka sederhana bagi beberapa empangan di negeri ini.

"Sekiranya cuaca panas berlanjutan untuk tempoh yang lama dan air empangan pula menghampiri paras minimum, kita akan mengadakan proses pembenihan awan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Hasni berkata, Empangan Layang Atas di Johor Bahru dan Empangan Sungai Lebam di Bandar Penawar, Kota Tinggi yang menyalurkan air kepada lebih 600,000 pengguna sentiasa dipantau dan direkodkan paras airnya sejak minggu lalu.

Semalam, akhbar melaporkan beberapa empangan utama di da-

erah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing mengalami penurunan paras air berikutan cuaca kering yang melanda negeri ini.

Pengarah BAKAJ, Rashid Abdul A Rahman dilaporkan berkata, paras air di Empangan Layang Atas, Empangan Pulau 1 dan Empangan Pontian di daerah Johor Bahru, dilaporkan menghampiri tahap kritikal.

Paras air menyusut

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat SAJ, Jamaluddin Jamil yang dihubungi berkata, sehingga tengah hari semalam, paras air semasa dicatatkan Empangan Layang Atas adalah -19.72 meter berbanding paras kritikal -23.50 meter.

BH 23 JULAI 2015

Beberapa empangan di Johor kritikal

Empat daerah berdepan catuan akibat penyusutan paras air

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusoff

mohdfahmi@bh.com.my

Johor Bahru

Beberapa empangan utama di daerah Johor Bahru, Kluang, Kota Tinggi dan Mersing mengalami penurunan paras air berikutan cuaca kering melanda negeri ini.

Pengarah Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ), Rashid Abdul A Rahman, berkata sehingga tengah hari semalam, paras air di Empangan Layang Atas,

Paras air semasa dicatatkan di Empangan Layang Atas adalah -19.72 meter semalam berbanding paras kritikalnya -23.50 meter.

Operasi pemindahan air

"Pemindahan air mentah dari Laju Rawatan Sungai Johor ke empangan itu sedang dilakukan dan akan diteruskan bagi mengurangkan penurunan paras air," katanya.

Bagi Empangan Pulau 1 dan Empangan Pontian, paras air semasa masing-masing adalah -44.04 meter berbanding paras kritikal -44.33 meter dan -36.393 meter berbanding -33.531 meter.

Cuaca kering yang berterusan turut mengakibatkan paras air rendah di tiga empangan di Mersing iaitu Empangan Tengku Congkok, Empangan Endau-Labong dan Empangan Nitar-Sungai Lenggang.

Bagi daerah Kota Tinggi, paras air di Laju Rawatan Air (LRA) Lebam, Sungai Gembul

adalah semasa empangan itu hanya mampai bertahan antara 19 dan 15 hari.

Di daerah Kluang, LRA Simpang Kemuning dan Empangan Machap adalah antara empangan dan lori yang terjejas apabila hanya mencatat paras air

Ketika bacaan diambil

menyaksikan dua empangan ini mengalami penurunan paras air di tahap kritikal berikutan cuaca kering, namun jika situasi ini masih berterusan, catuan air akan dilakukan."

Hasni Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar

semasa masing-masing meter berbanding 4.76 m untuk paras kritikal dan 1 meter berbanding 14.020 ter.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Hasni Mohammad, berkata pemindahan air ke empangan di daerah itu menyusut akibat cuaca panas sehingga melecet paras air.

Pantau paras air empangan

Dua empangan berikutan lah Empangan Layang Atas Johor Bahru dan Empangan Sungai Lebam di Bandar Penawar, Kota Tinggi.

Katanya, kerajaan negeri menerusi SAJ Holdings (dan BAKAJ) sentiasa memantau dan merekodkan paras air di empangan tersebut sejak minggu lalu.

"Ketika bacaan diambil menyaksikan dua empangan mengalami penurunan paras air di tahap kritikal berikutan cuaca kering, namun jika situasi ini masih berterusan, catuan air akan dilakukan."

Hasni Mohammad, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar

Keratan akhbar BH semalam.

Katanya, cuaca kering turut mengakibatkan paras air di Empangan Sungai Lebam terus menyusut kepada -9.87 meter berbanding paras kritikal -12.27 meter.

"Kami sedang menyediakan laporan lengkap mengenai paras

air empangan di seluruh Johor bagi mendapatkan kebenaran Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melaksanakan pembekalan air secara berjadual bagi memastikan bekalan berterusan kepada pengguna," katanya.